



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**FACULTY OF SOCIAL SCIENCES
AND
HUMANITIES**

UHS 1022 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA) SEKSYEN 73

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN INDIVIDU

LAPORAN WEBINAR WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

BUTIRAN PELAJAR

NAMA PENUH	NO. MATRIK	NO. KAD PENGENALAN	NO. TELEFON
Qaisara binti Rohzan	A20EC0133	010308-10-0518	012-2542549

**NAMA PENSYARAH:
ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI**

LAPORAN ULASAN WEBINAR

TAJUK WEBINAR : WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

ANJURAN : AKADEMI TAMADUN ISLAM, FAKULTI SAINS SOSIAL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

TARIKH SIARAN : 10 JANUARI 2021

MASA SIARAN : 10 PAGI - 12 TENGAH HARI

ULASAN:

Profesor Dr Kamaruzaman bin Yusoff dan Dr Nasruddin bin Yunus telahpun memberikan pendedahan serta kefahaman yang mendalam berkenaan dekolonisasi kepada para hadirin webinar. Perkataan dekolonisasi berkait rapat dengan dua perkara yang lain iaitu kolonisasi atau dikenali sebagai penjajahan serta neokolonisasi. Kolonisasi membawa definisi perbuatan atau aktiviti penjajahan ke atas sesebuah wilayah atau negara oleh sebuah kuasa imperialis. Kebanyakan negara-negara barat yang didiami masyarakat berkulit putih mempercayai ideologi *The White Man's Burden* di mana mereka berasa bertanggungjawab untuk memajukan serta memodenkan kehidupan masyarakat yang tidak bertamadun khususnya masyarakat yang tidak berkulit putih. Antara asbab mereka menjalankan perbuatan kolonisme adalah untuk mengaut hasil sumber asli dari negara jajahan serta untuk mendapatkan tenaga manusia dengan kos yang kurang melalui aktiviti perhambaan dan lain-lain. Kesan daripada aktiviti kolonisasi adalah masyarakat dibelenggu ideologi segala yang datang dari Barat adalah baik dan bagus dan akhir sekali masyarakat akan dibelenggu ideologi kolonial dimana mereka akan sentiasa merasakan diri mereka itu mundur dan tidak akan pernah maju.

Seterusnya adalah proses dekolonisasi ataupun dikenali sebagai penyahjajahan di mana ia merupakan suatu usaha pembebasan daripada aktiviti penjajahan atau kolonisasi yang dijalankan oleh pemerintah-pemerintah tempatan. Proses penyahjajahan ini mengambil masa sekitar 50 tahun bermula daripada pasca peperangan dunia pertama sehingga selepas peperangan dunia kedua di mana kebanyakan negara yang dijajah sudahpun dibebaskan oleh kuasa imperialis. Penyahjajahan boleh dilaksanakan melalui dua cara iaitu rundingan ataupun peperangan menentang kuasa penjajah sebagaimana yang dilaksanakan oleh Malaysia dengan British serta

Indonesia bersama Belanda. Pada kebiasaannya, agamawan dan nasionalis tempatan merupakan individu yang giat memperjuangkan kemerdekaan bagi mengembalikan hak dan keadilan penduduk tempatan. Antara perkara yang disuntik semasa dekolonisasi adalah menerapkan pendidikan yang berteraskan nilai-nilai serta budaya tempatan, menasionalisasikan syarikat-syarikat barat supaya ekonomi negara terjamin dan juga mengimplementasikan kuasa autonomi kepada penduduk tempatan. Hal ini dilakukan demikian supaya nilai-nilai yang dibawa oleh penjajah dapat dikurangkan serta dihapuskan menjelang saban hari.

Akhir sekali adalah neokolonisasi yang merupakan suatu bentuk jajahan yang baharu. Menelusuri arus pemodenan di negara ini, tanpa kita sedari kita sedang dijajah dengan elemen-elemen yang halus seperti kewujudan teknologi-teknologi canggih serta pasaran ekonomi yang kuat berdaya-saing. Dengan wujudnya istilah-istilah moden seperti globalisasi, negara sedang membangun serta negara maju, ianya kini mengklasifikasikan pelbagai kelas koloni yang wujud pada hari ini serta membezakan ia antara satu sama lain. Masyarakat kini dijajah oleh kuasa yang lebih besar iaitu dari segi ekonomi, di mana pihak mereka akan sentiasa memperkenalkan kita kepada teknologi, ekonomi serta bahan keselamatan yang baharu sehinggakan kita merasakan diri kita jauh dari arus pemodenan dunia.

IMPAK PADA DIRI:

Sebagai seorang anak jati negara Malaysia, saya berasa bersemangat untuk mengharumkan nama negara Malaysia di persada dunia setelah menghadiri webinar ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesi perkongsian ini telah membuka mata saya terhadap bentuk-bentuk penjajahan yang mengambil tempat pada zaman dahulu mahupun pada era kini. Seperti yang disebutkan dalam webinar yang saya hadiri, saya perlulah berbangga menjadi seorang anak watan negara Malaysia serta mempunyai jati diri yang kuat supaya tidak mudah terpengaruh dengan arus pemodenan. Sebagai seorang remaja, saya seharusnya menyokong segala usaha kerajaan untuk menyuntik identiti rakyat Malaysia ke dalam setiap individu. Saya juga berazam untuk menjadi seorang yang terpelajar dan memulakan kajian yang hebat supaya setanding dengan pakar-pakar ilmuwan dari negara luar.